

04 SEP 2002

YANG DI-PERTUAN AGONG TUTUP PERAYAAN BULAN KEMERDEKAAN

PORT DICKSON, 4 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail akan merasmikan majlis penutupan Perayaan Bulan Kemerdekaan peringkat kebangsaan di tapak pesta Kota Impian di sini pada 16 Sept.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata yang akan turut hadir pada acara itu ialah Datuk Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Kita menganggarkan lebih 30,000 orang akan menyaksikan upacara penutupan itu nanti," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak itu hari ini.

Beliau berkata tarikh 16 Sept dipilih oleh penganjur di peringkat pusat selaras dengan pembentukan negara Malaysia.

Persembahan muzikal khas yang mengimbau perjuangan pemimpin besar negara seperti Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir akan dipersembahkan.

Acara lain yang akan diadakan ialah persembahan kebudayaan dan hiburan termasuk dari artis tempatan, tambah beliau.

Acara akan dimulakan pada pukul 7.45 malam dan dijangka berakhir kira-kira 11.30 malam.

-- BERNAMA

APG HM